



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1  
Tarikh : 3 Oktober 2022

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 19/2022

Semua Warga  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (LALULINTAS) 2022

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2022 bertarikh 21 Julai 2022 telah meluluskan pemakaian Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Lalulintas) 2022.

3. Untuk makluman, pemakaian peraturan ini juga turut dilaksanakan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HTCM) dan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK), UKM. Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Lalulintas) 2022 seperti di **Lampiran 1**.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pelaksanaan peraturan ini boleh diajukan kepada Urus setia berikut:

Bil.	Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat E-mel	No.Telefon
<b>Kampus Bangi</b>			
1.	Mejar (B) Dato' Asri Ahmad Pengarah Bahagian Keselamatan Jabatan Pendaftar	keselamatan@ukm.edu.my	03-89215095
2.	Lt Saidi Maarop TLDM (Bersara) Pegawai Keselamatan Kanan Bahagian Keselamatan Jabatan Pendaftar	saidi@ukm.edu.my	03-89215095



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Kampus Jalan Raja Muda			
3.	Encik Khairulhisham Mat Ketua Bahagian Keselamatan Kampus Jalan Raja Muda	kjkes@ppukm.edu.my	03-92897010
Bahagian Keselamatan, HCTM			
4.	Kapten (B) Hamon Rafiz Abd Hamed Ketua Bahagian Keselamatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)	rafiz@ukm.edu.my	03-9145 5084
Bahagian Keselamatan, HPKK			
5.	Encik Shahrul Azmin Norangnan Pegawai Keselamatan Bahagian Keselamatan Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani Hospital Pakar Kanak-kanak UKM (HPKK)	shahrulazmin@ukm.edu.my	03-91912200

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Yang benar,



**DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA**  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Bendahari
  - Ketua Pustakawan
  - Penasihat Undang-Undang
  - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
  - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
  - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA (LALULINTAS) 2022**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama
2. Pemakaian
3. Tafsiran
4. Akta/Peraturan

**BAHAGIAN II**

**PELEKAT KENDERAAN**

5. Permohonan pelekat kenderaan

**BAHAGIAN III**

**KESALAHAN-KESALAHAN LALULINTAS DI KAMPUS**

6. Tidak memiliki pelekat kenderaan
7. Melebihi had laju
8. Kenderaan motor yang tidak dipandu hanya atas jalan raya
9. Meletak kenderaan secara menghalang

Peraturan

10. Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan
11. Meletak kenderaan bukan dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan
12. Pemakaian topi keledar
13. Menunggang dan membonceng
14. Merosakkan peralatan pengunci dan pengapit roda kenderaan
15. Tidak mematuhi arahan dan isyarat lalu lintas
16. Lesen memandu dan kad kampus
17. Halangan kepada aliran lalu lintas

#### **BAHAGIAN IV**

#### **KUASA DAN TANGGUNGJAWAB**

18. Kuasa dan tanggungjawab Pengarah dan Pengawal Keselamatan

#### **BAHAGIAN V**

#### **PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN**

19. Pembatalan pelekat kenderaan

#### **BAHAGIAN VI**

#### **DENDA**

20. Bayaran denda
21. Tidak membayar denda oleh staf

Peraturan

22. Tidak membayar denda oleh pelajar

## **BAHAGIAN VII**

### **AM**

23. Keselamatan kenderaan

24. Kesalahan di bawah Peraturan

25. Pematuhan Peraturan

26. Peraturan-peraturan ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 2010**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(LALULINTAS) 2022**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 4(1) (v) dan Seksyen 38(5) Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010, Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia membuat peraturan berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama**

1. Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Lalulintas) 2022 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Pemakaian**

2. (1) Peraturan-peraturan ini dikeluarkan dengan tujuan menjaga keselamatan lalulintas di dalam kawasan kampus.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat di dalam kawasan Kampus.

**Tafsiran**

3. Dalam peraturan-peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain—

“Arahan Lalulintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh Naib Canselor atau seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan dalam kampus;

“Isyarat Lalulintas” ertinya termasuklah apa-apa syarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas

atau berhampiran dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan orang-orang yang menggunakan jalan;

“Kampus” ertinya:

a) kampus induk atau mana-mana kampus cawangan Universiti; b) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, sama ada dipunyai atau sewaan Universiti

“Kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan untuk membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“Kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik sedemikian menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“Kesalahan Lalulintas” ertinya kesalahan yang dinyatakan di dalam Bahagian III, Peraturan 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15 dan 16;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia;

“Pekerja Luar” ertinya individu atau mana-mana individu yang bukan staf UKM yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di dalam kampus UKM;

“Pelajar” ertinya mana-mana pelajar berdaftar di Universiti ini;

“Pelawat” ertinya mana-mana individu yang masuk ke kawasan kampus UKM;

“Pengawal Keselamatan” ertinya semua peringkat anggota keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa UKM bagi mengawal keselamatan di dalam Kampus UKM termasuklah mengawal lalulintas;

“Pelekat Kenderaan” ertinya pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa UKM di bawah Peraturan Keselamatan UKM;

“Staf” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti dan mana-mana Statut Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Akta/Peraturan**

4. Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau apa-apa perundangan kecil yang dibuat dibawahnya yang berkuatkuasa.

## **BAHAGIAN II**

### **PELEKAT KENDERAAN**

#### **Permohonan Pelekat Kenderaan**

5. Kebenaran bertulis bagi, staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus adalah seperti berikut:

- (a) seseorang staf, pelajar dan pekerja luar yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam Kampus hendaklah, memohon dan memperoleh daripada Pengarah Keselamatan suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu. Permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Keselamatan;
- (b) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh staf, pelajar dan pekerja luar secara bertulis dengan menyatakan perihalan kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu;
- (c) Kebenaran Pengarah Keselamatan/Pelekat kenderaan hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa secara mudah dilihat pada kenderaan motor;
- (d) Pengarah Keselamatan berhak untuk tidak memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu bukan untuk kepentingan Universiti; dan



### BAHAGIAN III

#### KESALAHAN-KESALAHAN LALULINTAS DI KAMPUS

##### **Tidak memiliki pelekat kenderaan**

6. Tiada staf, pelajar dan pekerja luar boleh memiliki kenderaan motor di dalam Kampus tanpa memiliki pelekat kenderaan.

##### **Melebihi had laju**

7. Tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh memandu kenderaan motor di dalam Kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalu lintas, seperti yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

##### **Kenderaan motor yang tidak dipandu hanya atas jalan raya**

8. Tiada, staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu oleh staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.

##### **Meletak kenderaan secara menghalang**

9. Tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

##### **Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan**

10. Jika suatu ruang letak kenderaan diuntukkan bagi kenderaan/atau staf tertentu, tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh meletak kenderaan dalam ruang letak kenderaan yang diuntukkan itu.

### **Meletak kenderaan bukan dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan**

11. Tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh meletak kenderaan di mana-mana tempat kecuali di tempat yang dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan.

### **Pemakaian topi keledar**

12. Penunggang dan pembonceng motosikal diwajibkan memakai topi keledar di dalam Kampus.

### **Menunggang dan membonceng**

13. (1) Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.

(2) Tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk membonceng motosikal itu di belakang tempat duduk penunggang yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.

(3) Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat tidak boleh dibawa di atas motosikal beroda dua yang ditunggang oleh seseorang, yangberlanggaran dengan sub peraturan (1) atau (2).

### **Merosakkan peralatan pengunci dan pengapit roda kenderaan**

14. Tiada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang boleh menyebabkan kerosakan kepada pengunci dan pengapit roda kenderaan.

### **Tidak mematuhi arahan dan isyarat lalu lintas**

15. Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat hendaklah mematuhi semua arahan dan isyarat lalu lintas.

### **Lesen memandu dan kad kampus**

16. Mana-mana staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menunggang atau memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan

motor hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan kad pekerja atau kad pelajar dan hendaklah mengeluarkan lesen memandu dan kad pekerja atau kad pelajar untuk diperiksa oleh seseorang yang diberi kuasa apabila dikehendaki berbuat demikian.

### **Halangan kepada aliran lalu lintas**

17. Mana-mana orang tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam Kampus.

## **BAHAGIAN IV**

### **KUASA DAN TANGGUNGJAWAB**

#### **Kuasa dan tanggungjawab Pengarah dan Pengawal Keselamatan**

18. (1) Naib Canselor hendaklah mempunyai pengawasan dan arahan am bagi segala perkara berhubung dengan penguatkuasaan peraturan ini.

(2) Naib Canselor boleh mewakilkan apa-apa kuasa di bawah peraturan ini kepada mana-mana staf.

(3) Pengarah Keselamatan adalah:

- (a) berkuasa mengenakan denda sepertimana yang dinyatakan pada **Jadual**.
- (b) bertanggungjawab menyenggara suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang disimpan, dimiliki atau dipunyai oleh, staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat dalam Kampus dalam apa-apa kaedah yang difikirkan patut.

(4) Pengawal Keselamatan adalah berkuasa mengambil tindakan tindakan berikut:

- (a) melarang kenderaan bermotor yang tidak ada atau tidak menampalkan pelekat kenderaan dari memasuki kawasan kampus;
- (b) menahan kenderaan bermotor dan menahan seseorang yang melakukan apa-apa kesalahan lalulintas dalam kawasan kampus termasuk bagi tujuan mengambil

sebarang maklumat berkaitan kesalahan lalulintas yang difikirkan perlu;

- (c) menahan mana-mana kenderaan daripada memasuki kawasan kampus sepertimana yang diarahkan Naib Canselor atau Pengarah Keselamatan
- (d) melaporkan kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan untuk tindakan tatatertib terhadap kesalahan lain yang timbul akibat daripada kesalahan lalulintas yang dilakukan oleh staf atau pelajar;
- (e) mengatur, mengawal dan melencongkan mana-mana lalu lintas;
- (f) menggunakan apa-apa cara termasuk mengalih dan menunda mana-mana kenderaan yang menghalang lalu lintas;
- (g) mengunci dan mengapit roda kenderaan mengikut Peraturan 17(5);
- (h) mengeluarkan saman dan/atau mengenakan denda lalulintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan lalulintas di dalam Kampus;
- (i) mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dan/atau Pengarah Keselamatan bagi menguatkuasakan Peraturan ini;

(5) Pengawal Keselamatan boleh mengambil tindakan mengunci dan mengapit roda kenderaan yang melanggar peraturan 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 15 dengan cara berikut:

- (a) mengunci tayar roda kenderaan berkenaan;
- (b) mengeluarkan notis pemberitahuan kesalahan dikunci tayar; dan
- (c) membuka kunci tayar roda kenderaan setelah pembayaran denda telah dibuat.

(6) Pengawal Keselamatan berhak mengeluarkan saman sepertimana jadual kompaun atau denda yang dikeluarkan oleh Pengarah Keselamatan dari semasa ke semasa terhadap mana-mana kesalahan.

(7) Pengawal Keselamatan berhak menuntut pembayaran balik nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan seperti subperaturan (2).

## BAHAGIAN V

### PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN

#### **Pembatalan pelekat kenderaan**

19. (1) Pengarah Keselamatan boleh membatalkan serta merta atau menggantungkan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi enam (6) bulan keistimewaan pelekat kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang, staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang telah melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas di dalam kawasan kampus.

(2) Mana-mana orang yang dibatalkan atau digantungkan keistimewaan pelekat kenderaannya tidak berhak membawa kenderaan bermotor ke dalam kampus bagi tempoh masa penggantungan tersebut.

(3) Tiada staf, pelajar dan pekerja luar boleh memindah milik pelekat kenderaan.

## BAHAGIAN VI

### DENDA

#### **Bayaran denda**

20. (1) Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang melanggar mana-mana peraturan ini atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Peraturan ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda.

(2) Denda hendaklah dibayar oleh staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat kepada Bahagian Keselamatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

#### **Tidak membayar denda oleh staf**

21. (1) Jika staf tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, pihak Keselamatan hendaklah melaporkan kepada Pendaftar.

(2) Pendaftar apabila menerima laporan daripada pihak Keselamatan di bawah sub peraturan (1) hendaklah mengeluarkan arahan pemotongan gaji staf berkenaan kepada Bendahari.

(3) Staf yang dendanya dibayar melalui pemotongan gaji hendaklah direkodkan kesalahannya di dalam buku rekod perkhidmatan staf tersebut.

### **Tidak membayar denda oleh pelajar**

22. Walau apapun yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, kegagalan pelajar membayar denda akan menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehingga denda berkenaan dibayar.

## **BAHAGIAN VIII**

### **AM**

#### **Keselamatan kenderaan**

23. Keselamatan mana-mana kenderaan atau kenderaan motor yang diletakkan di mana-mana kawasan tempat letak kenderaan Universiti adalah di bawah tanggungjawab pemiliknya (*park at your own risk*). Universiti tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang diakibatkan oleh bencana alam, kemalangan, vandalisma, apa-apa perbuatan jenayah dan sebagainya.

#### **Kesalahan di bawah Peraturan**

24. Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang melanggar mana-mana peraturan-peraturan ini, atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Peraturan ini, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan ini.

#### **Pematuhan Peraturan**

25. Peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan garis panduan, jadual, pekeliling, surat pekeliling arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma berkaitan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **Peraturan-peraturan ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah**

26. Tiada apa-apa jua dalam peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat atau orang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
(LALULINTAS) 2022**

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia pada  
21hb Julai 2022

**JADUAL**  
[Peraturan 18 (3) (a)]

<b>NO</b>	<b>KESALAHAN</b>	<b>DENDA (RM)</b>
1	Tidak memiliki pelekat kenderaan	50.00
2	Melebihi had laju	50.00
3	Tidak memandu kenderaan motor di atas jalan raya	50.00
4	Meletak kenderaan secara menghalang	50.00
5	Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan	50.00
6	Meletak kenderaan bukan dimaksudkan sebagai tempat meletak kenderaan	50.00
7	Kesalahan menunggang dan membonceng	50.00
8	Pengunci dan pengapit tayar	50.00
9	Tidak mematuhi arahan dan isyarat lalulintas	50.00
10	Tidak memiliki lesen memandu dan kad kampus	50.00
11	Halangan kepada aliran lalu lintas	50.00
12	Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987	50.00



13	Merosakkan peralatan pengunci dan pengapit roda kendaraan	1,000.00
----	---	----------